

BAB KETIGA

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Di dalam bab ketiga ini, pengkaji membincangkan metodologi kajian secara terperinci. Memandangkan kajian ini merupakan kajian lapangan yang dianalisis menggunakan pendekatan kuantitatif, maka ia merangkumi tiga aspek penting; iaitu alat atau instrumen kajian, responden dan juga prosedur.

3.2 Alat Kajian

Alat kajian atau instrumen yang gunakan untuk mendapatkan data melibatkan 2 bentuk; iaitu soal selidik serta ujian kefahaman.

3.2.1 Soal selidik

Soal selidik dibina untuk mendapatkan data yang digunakan untuk mencapai objektif pertama kajian ini; iaitu mengenal pasti tahap pemikiran pelajar terhadap bacaan teks Arab. Selain itu, data yang terkumpul melalui instrumen ini juga dianalisis bagi memenuhi sebahagian daripada objektif ketiga kajian; iaitu mengenal pasti hubungan di antara tahap pemikiran dan tahap pemahaman dalam penguasaan bacaan teks di kalangan pelajar.

Kesemua item di dalam soal selidik ini diadaptasi daripada soal selidik yang telah dibina oleh Tu‘aymah dan Abu Shannab (139: 2006). Soal selidik ini dipilih memandangkan ia telah digunakan bagi menilai tahap pembacaan para pelajar yang bukan penutur asal bahasa Arab. Mereka merupakan pelajar yang mengikuti program bahasa Arab di Ma‘ahad Bahasa Arab di Mekah al-Mukarramah. Maka, terdapat persamaan di antara tujuan penggunaannya dengan sebahagian objektif kajian ini.

Memandangkan soal selidik ini telah dibina di dalam bahasa Arab, pengkaji telah mengambil langkah untuk menterjemahkannya ke dalam bahasa Melayu. Terjemahan ini dilakukan bagi memudahkan responden kajian menjawab dengan mudah kerana ia dikemukakan dalam bahasa ibunda mereka. Di samping itu, ia juga dapat mengurangkan masalah kekeliruan, serta tahap ketidakfahaman yang sering berlaku di kalangan pelajar yang membaca bahan di dalam bahasa asing, seperti bahasa Arab.

Bagi memastikan terjemahan yang dibuat tepat sebagaimana soal selidik asal yang dibina di dalam bahasa Arab, pengkaji telah merujuk kepada tiga orang pakar di dalam bidang ini. Mereka ialah Ustazah Nurazan Mohmad Rouyan, pensyarah bahasa Arab di UDM, Ustazah Nik Farhan Mustapha, pensyarah bahasa Arab di UPM dan Ustaz Mat Taib Pa, penyelia bagi kajian ini. Hasil daripada perbincangan dengan mereka, beberapa pengubahsuaian frasa telah dilakukan bagi memantapkan terjemahan tersebut. Walau bagaimana pun, pengubahsuaian ini tidak menjejasikan makna asal soal selidik berbahasa Arab.

Di samping terjemahan, soal selidik asal yang dibina oleh Tu‘aymah (2006) ini telah dibuat beberapa pengubahsuaian; seperti berikut:

- i- Item disusun mengikut tahap pemikiran.

Mengikut soal selidik asal, kesemua 50 item yang dimuatkan di dalamnya tidak disusun mengikut 3 tahap pemikiran; bermula daripada rendah hingga tinggi. Oleh itu, pengkaji membuat sedikit pengubahsuaian dari aspek penyusunan item; iaitu berdasarkan tahap pemikiran yang rendah, hingga ke tahap pemikiran yang tinggi. Selain itu, item yang membentuk kemahiran di dalam setiap tahap juga dikelompokkan bersama (sila rujuk jadual 3.2). Rasional pengubahsuaian ini dibuat bagi memudahkan proses analisis data kelak.

- ii- Contoh ditambah kepada beberapa item.

Di dalam soal selidik yang asal, tiada sebarang contoh diberikan kepada mana-mana item. Keadaan ini telah menimbulkan beberapa keraguan di kalangan pelajar yang menjadi responden di dalam kajian rintis. Justeru, bagi meningkatkan tahap pemahaman responden sebenar terhadap soal selidik ini, pengkaji telah menyelitkan contoh bagi memudahkan mereka memahami sesuatu item, terutamanya item yang dirasakan agak sukar untuk difahami dan banyak ditanya oleh responden kajian rintis. Item-item yang diubah dan disertakan contoh boleh dilihat dalam jadual 3.1 berikut;

JADUAL 3.1 Item Dan Pernyataan Yang Disertakan Contoh

Item	Pernyataan yang disertakan contoh
7	Saya mengetahui cara menyebut huruf-huruf <i>hija:iyyah</i> (حجائية) mengikut kedudukannya di dalam perkataan. Contohnya huruf lam pada perkataan <i>النقد</i> tidak dibunyikan.
21	Dengan membaca teks, saya dapat melatih diri menganalisis perkataaan berdasarkan ilmu morfologi (علم الصرف); seperti وزن bagi sesuatu perkataan.
42	Saya dapat menentukan tahap kelajuan yang sepatutnya ketika bacaan secara nyaring atau kuat bagi memahami makna teks. Contohnya, apabila tidak faham, saya akan membaca dengan kelajuan yang lebih perlahan.
43	Saya dapat menghayati perubahan situasi dan perasaan yang ditonjolkan di dalam teks, seperti merasa sedih apabila membaca situasi yang menyedihkan.
46	Saya dapat menentukan tahap kelajuan bacaan berdasarkan tujuan membaca, contohnya tahap kelajuan saya membaca surat khabar berbahasa Arab lebih laju berbanding tahap bacaan buku teks Arab.

Setelah proses terjemahan dan pengubahsuaian selesai dilakukan, soal selidik yang digunakan di dalam kajian ini dibahagikan kepada 2 bahagian; iaitu:

- i- Bahagian A yang terdiri daripada 50 item; sebagaimana yang terdapat di dalam soal selidik asal berbahasa Arab.
- ii- Bahagian B yang berkaitan dengan maklumat demografik responden.

Di dalam bahagian A, item dikemukakan berdasarkan tahap pemikiran; bermula daripada tahap pemikiran rendah, sederhana dan tinggi. Tahap pemikiran rendah merangkumi pengetahuan membaca teks Arab dari kanan ke kiri, mengenali huruf, perkataan, ayat dan dapat menyebut dengan *makhrajnya* yang betul, memahami tanda-

tanda bacaan serta pengetahuan teknikal umum yang lain. Tahap ini bermula daripada item 1 sehingga 10.

Manakala tahap pemikiran sederhana melibatkan empat aspek utama iaitu; kemahiran kognitif peringkat permulaan (kefahaman), ketrampilan tatabahasa, kemahiran kognitif peringkat pertengahan (kritikan) dan kemahiran kognitif peringkat atas (reaksi) (Tu‘aymah 2006: 51). Pembahagian tahap ini boleh diperincikan seperti berikut;

i- Ketrampilan tatabahasa:

Bagi tahap ini, pernyataan yang dikemukakan melibatkan kemahiran tatabahasa yang dimiliki oleh pembaca semasa memahami sesuatu perubahan struktur ayat. Ia dijelaskan di dalam item yang ke 44.

ii- Kemahiran kognitif peringkat permulaan (kefahaman):

Pernyataan peringkat ini merangkumi aspek kebolehan mengenali perkataan baharu serta makna perkataan, mengenali isu utama yang dibincangkan, membezakan fakta atau bukan fakta, memahami ayat, dan membuat rumusan serta kesimpulan. Tahap kemahiran ini diletakkan di dalam item 11 hingga 29.

iii- Kemahiran kognitif peringkat pertengahan (kritikan):

Ia bermula daripada item 30 hingga 34. Pernyataan peringkat ini menjurus kepada kebolehan membezakan isi, objektif serta maklumat yang terdapat di dalam teks secara kritikan.

iv- Kemahiran kognitif peringkat atas (reaksi):

Pernyataan yang diketengahkan pada peringkat ini berhubung rapat dengan respon atau reaksi pembaca terhadap bahan bacaan dari sudut penumpuan perhatian, penggabungjalinan makna ayat, cara membaca yang efektif, serta penghayatan terhadap bahan yang dibaca. Item yang terlibat terdiri daripada item 35 hingga 43.


Tahap pemikiran tinggi pula terdiri daripada kemahiran penghayatan teknik membaca yang baik serta penghayatan budaya sesuatu teks. Tahap pemikiran peringkat ini memerlukan daya penghayatan serta teknik membaca yang tinggi. Antaranya respon dapat mengenalpasti isi penting semasa membaca teks secara sepintas lalu, dapat menentukan tahap kelajuan bacaannya berdasarkan tujuan membaca, berpandukan makna konteks semasa membaca secara cepat, dapat mencari maklumat tambahan, serta amat berminat untuk mengetahui susun atur idea-idea penulis. Kesemua pernyataan ini dijelaskan di dalam item 45 hingga 49. Manakala item 50 digunakan untuk menilai penghayatan pembaca terhadap budaya dan bentuk sastera karya tradisi Arab (sila rujuk lampiran A). Jadual 3.2 berikut menunjukkan pembahagian item berdasarkan tahap-tahap tersebut.

JADUAL 3.2 Kategori item berdasarkan tahap pemikiran

Tahap pemikiran	Kemahiran yang dinilai	Item	Jumlah item berdasarkan kemahiran	Jumlah item berdasarkan tahap
Rendah	Pengetahuan teknikal umum semasa membaca	1, 2, 3, 4, 5, 6, 7, 8, 9 dan 10	10	10
Sederhana	Ketrampilan tatabahasa	44	1	34
	Kemahiran kognitif peringkat permulaan (kefahaman)	11, 12, 13, 14, 15, 16, 17, 18, 19, 20, 21, 22, 23, 24, 25, 26, 27, 28 dan 29	19	
	Kemahiran kognitif peringkat pertengahan (kritikan)	30, 31, 32, 33 dan 34	5	
	Kemahiran kognitif peringkat atas (reaksi)	35, 36, 37, 38, 39, 40, 41, 42 dan 43	9	
Tinggi	Penghayatan teknik membaca yang baik	45, 46, 47, 48 dan 49	5	6
	Penghayatan budaya	50	1	

Walaupun item di dalam soal selidik ini disusun mengikut tahap rendah, sederhana dan tinggi, pengkaji sengaja tidak menyatakan pembahagian tersebut di dalam soal selidik. Ini bertujuan untuk memastikan respon tidak terpengaruh dengan pembahagian yang dibuat semasa memberi respon terhadapnya.

Untuk menjelaskan pembahagian tahap tersebut dengan lebih terperinci, rajah 3.1 dikemukakan seperti di bawah.



RAJAH 3.1 Kategori Tahap Pemikiran (Sumber: Tu'aymah 2006: 51)

Kesemua 50 item yang terdapat di dalam soal selidik menggunakan skala Likert lima mata bagi menggambarkan respon pelajar terhadap tahap pemikiran yang mereka gunakan semasa membaca teks Arab. Ia bermula dengan skala 1 untuk “amat tidak setuju” hingga skala 5 untuk “sangat setuju”. Skala 3 untuk “tidak pasti” digunakan bagi

memberi kelonggaran kepada pelajar untuk memberi respon yang lebih tepat dan telus tentang kemampuan diri mereka, sekiranya mereka benar-benar tidak dapat memastikan tahap pemikiran mereka. Secara khususnya, skala tersebut dinyatakan di dalam Jadual 3.3 di bawah.

JADUAL 3.3 Skala dan respon bagi tahap pemikiran

Skala	Respon
1	Amat tidak setuju
2	Tidak setuju
3	Tidak pasti
4	Setuju
5	Sangat setuju

Bahagian B yang merupakan bahagian demografik pelajar pula mengandungi maklumat umum pelajar; bermula daripada jantina, umur, tahap pendidikan bahasa Arab serta maklumat pengajian pelajar. Maklumat latar belakang responden ini diletakkan pada bahagian akhir instrumen bagi mengelakkan mereka terpengaruh dengan apa yang dinyatakan dalam bahagian ini semasa menjawab item-item di dalam bahagian A (sila rujuk Lampiran A).

3.2.2 Ujian Kefahaman

Sebagaimana yang telah dinyatakan sebelum ini, instrumen kajian ini turut mengandungi ujian kefahaman. Ujian ini dibina bagi mengumpulkan data yang akan dianalisis bagi menjawab objektif kedua kajian ini; iaitu mengenal pasti tahap pemahaman pelajar terhadap teks Arab yang dibaca. Ia turut digunakan untuk mencapai sebahagian daripada objektif ketiga; iaitu mengenal pasti hubungan di antara tahap pemikiran dan tahap pemahaman dalam penguasaan bacaan teks di kalangan pelajar .

Ujian kefahaman ini mengandungi dua teks kefahaman yang dipilih daripada teks Arab. Setelah pelajar membaca teks yang pertama, mereka dikehendaki menjawab lima soalan objektif berbentuk aneka pilihan. Empat pilihan jawapan disediakan bagi setiap soalan. Manakala teks kedua pula disusuli dengan lima soalan objektif berbentuk betul atau salah (sila rujuk Lampiran B).

Kedua teks dipilih berdasarkan tahap kesukaran peringkat sederhana yang bersesuaian dengan tahap pemikiran pelajar di institusi pengajian tinggi. Teks kedua adalah lebih tinggi arasnya berdasarkan kesukaran perkataan yang ditampilkan serta memerlukan penghayatan yang tinggi oleh responden semasa membacanya. Jumlah perkataan di dalam teks yang pertama adalah sebanyak 269 patah perkataan, manakala teks yang kedua pula mengandungi 245 patah perkataan.

Setelah pemilihan kedua-dua teks dibuat, pengkaji merujuk kepada pensyarah yang mengajar responden di Institut Pendidikan Guru (IPG) Kampus Pendidikan Islam. Mereka terdiri daripada lima orang pensyarah bahasa Arab. Rujukan ini dilakukan bagi mendapatkan pandangan mereka berhubung kesesuaian teks yang dipilih dengan tahap

penguasaan bahasa Arab di kalangan pelajar. Selain itu, pandangan mereka juga diambil kira dalam menentukan tahap kesukaran teks agar ia berada pada tahap sederhana. Hasil daripada pandangan dan perbincangan dengan mereka, beberapa pengubahsuaian dilakukan terhadap instrumen ini, terutamanya soalan objektif yang dikemukakan .

Bagi mengukur tahap pemahaman responden terhadap teks yang disediakan, pengkaji telah mengubah kriteria pencapaian pelajar yang diguna pakai di Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) Kampus Pendidikan Islam. Justifikasi perubahan yang dilakukan adalah bertujuan untuk memudahkan proses analisis di dalam bab ke 4 nanti. Kriteria yang digunakan ini boleh dilihat di dalam jadual 3.4 berikut;

JADUAL 3.4 Kriteria pengukuran pencapaian pelajar yang digunakan di Institut Pendidikan Guru (IPG) Kampus Pendidikan Islam

Markat	Gred	Jumlah mata gred
90-100	A	4.00
80-89	A-	3.75
75- 79	B+	3.50
70-74	B	3.25
65-69	B-	3.00
60-64	C+	2.75
55-59	C	2.50
50-54	C-	2.25
40-49	D+	2.00
30-39	D	1.75
20-29	E	1.50
0-19	F	0.0

Oleh itu, pengkategorian semula untuk memudahkan analisisi kajian ini merujuk kepada jadual 3.5 di bawah.

JADUAL 3.5 Wajaran markat serta tahap pemahaman

Markat	Gred	Tahap pemahaman
80 hingga 100	A	Tinggi
65 hingga 79	B	Sederhana Tinggi
50 hingga 64	C	Sederhana
40 hingga 49	D	Rendah
Kurang daripada 40	F	Amat Rendah

3.3 Responden Kajian

Seperti yang diterangkan dalam bab kedua, kesemua responden kajian adalah merupakan pelajar-pelajar lepasan SPM yang menyambung pengajian mereka di institut ini. Seterusnya akan dijelaskan kedudukan mereka dari aspek program yang disertai, jantina, pengkhususan dan umur yang merupakan maklumat penting bagi kajian ini. Manakala jumlah keseluruhan responden adalah seramai 135 orang pelajar.

Daripada 135 orang responden ini, seramai 39 orang pelajar sedang mengikuti program PPISMP; iaitu 28.9%, manakala 96 orang pelajar yang lain merupakan mereka yang sedang mengikuti program PISMP IPGM. Ia mewakili 71.1 % daripada jumlah keseluruhan responden yang dikaji.

Jika dilihat dari sudut jantina pula, seramai 12 orang pelajar daripada program PPISMP merupakan pelajar lelaki; iaitu 9%, manakala jumlah pelajar lelaki bagi program PISMP IPGM pula seramai 38 orang; iaitu 28%. Sejumlah 50 orang pelajar lelaki semuanya menjadi responden kajian ini. Ia mewakili 37% daripada jumlah keseluruhan responden. Manakala sebanyak 20% merupakan pelajar perempuan daripada program PPISMP; iaitu mewakili 27 orang pelajar kesemuanya. Sebanyak 43%; iaitu seramai 58 orang pelajar pula merupakan pelajar perempuan daripada program PISMP IPGM. Jumlah keseluruhan pelajar perempuan yang menjadi responden bagi kajian ini; ialah seramai 85 orang pelajar yang diwakili sebanyak 63% daripada keseluruhan responden.

Dalam pada itu, jika dilihat dari sudut pengkhususan pula, sejumlah 57 orang daripada mereka; iaitu 42% merupakan pengkhususan major bahasa Arab dan selebihnya 78 orang; iaitu 58% pengkhususan minor bahasa Arab. Rasional pemilihan mereka sebagai responden kajian memandangkan mereka juga diwajibkan mempelajari subjek dan kemahiran bahasa Arab di Institut Pendidikan Guru (IPG) Kampus Pendidikan Islam. Di samping itu bagi menjawab kesemua objektif kajian yang dinyatakan oleh pengkaji.

Jika ditinjau dari sudut umur responden pula, julat umur mereka yang dikenal pasti adalah antara 18 hingga 22 tahun. Seramai 4 orang sahaja daripada mereka berumur 18 tahun yang mewakili 3%, manakala sejumlah 22.2% daripada mereka berumur 19 tahun yang merangkumi seramai 30 orang pelajar. Seramai 10 orang pelajar berumur 20 tahun yang mewakili 7.4%. Manakala seramai 67 orang berumur 21 tahun dan 24 orang berumur 22 tahun. Masing-masing mewakili 49.6% dan 17.8% daripada keseluruhan responden kajian. Pengkaji berpendapat, faktor umur juga mempengaruhi tahap pemikiran serta pemahaman pelajar terhadap teks yang dibaca. Seterusnya akan menjawab kesemua objektif kajian.

Jadual 3.6 menunjukkan secara terperinci taburan responden mengikut profil (ciri demografik).

JADUAL 3.6 Taburan responden mengikut profil

	Profil	Kekerapan	Peratus (%)
Program			
	PPISMP	39	28.9
	PISMP (IPGM)	96	71.1
	Jumlah	135	
Jantina			
Lelaki			
	PPISMP	12	9
	PISMP (IPGM)	38	28
	Jumlah	50	37
Perempuan			
	PPISMP	27	20
	PISMP (IPGM)	58	43
	Jumlah	85	63
Pengkhususan			
	Major bahasa Arab	57	42
	Minor bahasa Arab	78	58
Umur			
	18	4	3
	19	30	22.2
	20	10	7.4
	21	67	49.6
	22	24	17.8

3.4 Prosedur Kajian

Prosedur kajian ini melibatkan tiga peringkat; iaitu peringkat pra uji, peringkat pengumpulan data juga peringkat analisis data.

3.4.1 Peringkat Pra Uji

Sebelum proses pengumpulan data dijalankan, pengkaji telah menjalankan kajian rintis sebelum kajian sebenar dijalankan. Kajian rintis ini penting kerana ianya bertujuan menilai kesahan instrumen, sama ada ia benar-benar mampu mengukur tahap penguasaan membaca teks atau pun tidak. Selain itu, ia juga bertujuan untuk menilai tahap kesukaran soalan yang dikemukakan, sejauh mana arahan dan soalan difahami, anggaran masa yang digunakan oleh responden untuk menjawab keseluruhan soalan dan juga perkara-perkara lain yang mungkin mengganggu proses pengumpulan dan analisis data yang sebenar.

Bagi menilai kesahan instrumen yang dibina, pengkaji telah mengenalpasti tiga orang pakar untuk membaca serta meneliti ketepatan instrumen yang dibentuk. Mereka ialah Ustazah Nurazan Mohmad Rouyan, pensyarah bahasa Arab di UDM, Ustazah Nik Farhan Mustapha, pensyarah bahasa Arab di UPM dan Ustaz Mat Taib Pa, penyelia bagi kajian ini. Setelah berpuas hati dengan instrumen yang dibina, pengkaji telah memulakan peringkat kajian rintis yang pertama di salah sebuah universiti awam tempatan. Seramai lima orang responden dikenal pasti. Latar belakang mereka menyerupai latar belakang responden sebenar kajian ini dari aspek pencapaian mereka dalam mata pelajaran bahasa Arab di peringkat SPM.

Dalam sesi kajian rintis pertama ini, terdapat banyak kelemahan pada instrumen yang dibina. Antaranya, pemilihan perkataan dan ayat yang agak sukar untuk difahami. Di samping itu terdapat soalan yang tidak dijawab oleh responden serta maklumat yang diberikan tidak lengkap. Pengubahsuaian ini telah dijelaskan dalam subtopik instrumen kajian sebelum ini. Lantaran itu, pengkaji mengambil tindakan segera memperbaiki kelemahan yang ada serta memantapkan soal selidik yang dibina serta mendapatkan sekali lagi khidmat pakar. Hal ini penting bagi memastikan semasa kajian sebenar nanti pengkaji tidak menghadapi masalah.

Setelah berpuashati dengan soal selidik yang dibina, pengkaji seterusnya melaksanakan kajian rintis yang kedua juga di salah sebuah universiti tempatan yang berbeza daripada kajian rintis yang pertama. Kajian rintis kali ini melibatkan 44 orang responden.

Hasil daripada kajian ini menunjukkan para responden tidak menghadapi masalah dalam memahami dan menjawab semua soalan. Mereka juga telah mengambil masa sekurang-kurangnya 30 hingga 50 minit untuk menjawab. Data yang telah dikutip mampu dianalisis dengan perisian SPSS dan berjaya menjawab semua objektif kajian. Bahkan ujian kebolehpercayaan instrumen pra uji menunjukkan nilai kekonsistensan dalam *cronbach alpha* yang tinggi iaitu .8975.

Memandangkan instrumen yang dibina untuk proses pra uji ini tidak menghadapi apa-apa masalah untuk mendapatkan objektif kajian. Pengkaji seterusnya menggunakan instrumen yang telah diubahsuai ini dalam peringkat pengumpulan data.

3.4.2 Peringkat Pengumpulan Data

Sebelum pengumpulan data dilakukan, pengkaji terlebih dahulu memohon kebenaran daripada pengarah Institut Pendidikan Guru (IPG) Kampus Pendidikan Islam untuk melaksanakan proses pengumpulan data. Setelah kebenaran diperolehi, pengkaji meneruskan prosedur pengumpulan data seperti yang dirancang.

Prosedur bagi mendapatkan data kajian telah melibatkan sejumlah 135 orang responden daripada program PPISMP dan PISMP (IPGM) lelaki dan perempuan di Institut Pendidikan Guru (IPG) Kampus Pendidikan Islam. Pengkaji menggunakan dua hari yang berasingan untuk tujuan ini.

Hari pertama; iaitu pada hari Khamis 2 haribulan April 2009 digunakan untuk mengumpul data bagi responden daripada program PISMP (IPGM) semester 3. Mereka dikumpulkan di dalam dewan Idris al-Marbawi bermula jam 2.30 petang hari tersebut. Pengkaji mendapat kerjasama yang baik daripada responden dari sudut kehadiran dan disiplin. Seramai 96 orang responden menjalani proses hari pertama ini.

Sebelum sesi menjawab bermula, mereka telah diberi taklimat ringkas bagi memastikan data yang diperolehi mampu menggambarkan penguasaan sebenar mereka dalam membaca teks Arab. Taklimat tersebut mengandungi perkara berikut;

- i- Proses ini tiada kaitan dengan program pengajian yang diikuti sekarang. Oleh itu, ia tidak bersangkutan dengan sebarang kursus yang diikuti, sedang diikuti atau yang akan diikuti dalam memperolehi ijazah nanti.

- ii- Pencapaian yang diperolehi nanti juga tidak menjelaskan sebarang keputusan peperiksaan yang telah diambil, sedang diambil atau akan diambil sepanjang tempoh pengajian. Bahkan sebaliknya, ia hanya digunakan untuk kajian ini semata-mata. Oleh itu, setiap responden diminta menghapuskan konsep berjaya atau gagal dalam minda masing-masing.
- iii- Pelajar diminta bertengang sepanjang sesi ini agar sebarang perasaan negatif, seperti gugup, gementar dan bimbang tidak mempengaruhi data yang bakal dikutip.
- iv- Mereka juga diminta agar tidak meniru sesama sendiri, tetapi sebaliknya berusaha bersungguh-sungguh dan memberikan kerjasama sepenuhnya dengan menjawab semua soalan sebaik mungkin.
- v- Semua jawapan mestilah ditandakan pada ruangan yang ditetapkan di dalam kertas yang diedarkan.

Secara keseluruhan, pelajar hanya mengambil masa kurang daripada satu jam untuk menjawab kesemua soalan. Oleh itu, sesi pertama tamat pada jam 3.30 petang.

Hari kedua; iaitu pada hari Isnin 6 haribulan April 2009 digunakan untuk mengumpul data bagi responden daripada program PPISMP semester 2. Sesi kali ini melibatkan 39 orang responden sahaja, iaitu 20 responden untuk kelas PPISMP 2.01 dan 19 orang responden untuk kelas PPISMP 2.02. Ia bermula dari jam 2.30 petang hari tersebut.

Memandangkan kedudukan kelas mereka yang berdekatan, memudahkan pengkaji memantau responden semasa menjawab soal selidik dan ujian kefahaman. Sebelum menjawab responden telah diberikan taklimat ringkas oleh pengkaji sepetimana yang diberikan dalam sesi pertama kutipan data. Responden telah menjawab instrumen yang diedarkan dalam jangkamasa juga kurang daripada satu jam.

3.4.3 Peringkat Analisis Data

Selepas kedua-dua sesi pengumpulan data selesai, semua kertas jawapan responden ditandakan dengan nombor P001 hingga P135. Kemudian, semua jawapan yang diberikan oleh responden dalam instrumen kajian disemak.

Data mentah yang diperolehi dianalisis menggunakan 2 kaedah; markah dalam bentuk peratusan dan juga program perisian SPSS.

Pemarkahan di dalam bentuk peratusan digunakan untuk menilai tahap pemahaman pelajar terhadap teks Arab yang dibaca. Ia terkandung dalam ujian kefahaman yang disediakan. Tahap pemahaman ini merupakan objektif kedua kajian. Pemarkahan yang dimaksudkan dalam ujian kefahaman ini ialah setiap satu jawapan betul akan diberikan 10 markah. Responden mestilah menjawab kesemua sepuluh soalan ujian kefahaman yang disediakan. Pengukuran tahap dapatan ujian ini hendaklah merujuk kepada jadual 3.5 di atas.

Data yang dikumpul daripada soal selidik pula, dianalisis menggunakan perisian SPSS. Ini bertujuan untuk menjawab objektif pertama dan ketiga kajian. Statistik perihalan

digunakan untuk melihat tahap pemikiran pelajar secara keseluruhan dengan kiraan min, peratus, sisihan piaawai dan frekuensi. Ujian T pula digunakan untuk melihat perbezaan dalam tahap pemikiran ini. Bagi melihat hubungan di antara tahap pemikiran dan juga tahap penguasaan membaca, analisis korelasi Pearson digunakan. Seterusnya, analisis dan dapatan data dipersembahkan mengikut turutan objektif kajian. Perkara ini akan dibincangkan dengan lebih lanjut di dalam bab IV.

3.5 Kesimpulan

Kesimpulan daripada perbincangan bab ini ialah;

1. Data di dalam kajian ini dikumpulkan melalui dua kaedah; iaitu soal selidik dan ujian kefahaman.
2. Soal selidik yang diadaptasi daripada soal selidik Tu‘aymah (2006) digunakan untuk mencapai objektif pertama, serta sebahagian daripada objektif ketiga kajian ini, manakala ujian kefahaman pula dibina untuk mencapai objektif kedua dan sebahagian daripada objektif ketiga kajian.
3. Skala pengukuran bagi ujian ini diubahsuai berdasarkan kriteria pengukuran pencapaian pelajar yang digunakan di Institut Pendidikan Guru (IPG) Kampus Pendidikan Islam.

4. Responden kajian merupakan 135 orang pelajar PPISMP dan PISMP (IPGM) yang sedang menuntut di Institut Pendidikan Guru (IPG) Kampus Pendidikan Islam.
5. Dua proses kajian rintis telah dilaksanakan bagi menentukan tahap kesahan dan kebolehpercayaan soal selidik.
6. Data mentah yang diperolehi melalui kedua-dua instrumen dianalisis menggunakan program SPSS; sama ada secara deskriptif, ujian T, dan juga korelasi.